

DATE: 03/04/2008

UTUSAN MALAYSIA

Tolak spekulasi akan meletakkan jawatan Perdana Menteri

Abdullah nafi berundur

UM-3/4/2008

PUTRAJAYA 2 April - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menafikan spekulasi yang beliau akan meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri.

Abdullah mengulangi pendiriannya yang beliau tidak akan lari daripada tanggungjawabnya sebagai Perdana Menteri.

"Saya masih di sini. Saya masih di sini. Saya masih di sini. Mereka semua membuat spekulasi. Saya larilah. Saya letak jawatan. Kenapa perlu saya letak jawatan.

"Kerajaan saya mendapat majoriti besar (walaupun) bukan dua pertiga tetapi amat kukuh... itulah sokongan yang diterima. Takkan saya nak lari, tinggal saya punya tanggungjawab," katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Bernama* selepas mengadakan pertemuan empat mata dengan Menteri Besar Terengganu, Datuk Ahmad Said di pejabatnya di sini.

● Amanat khas Presiden Ahad ini - Muka 2

Abdullah berkata demikian ketika diminta mengulas spekulasi itu.

Spekulasi itu timbul ekoran gesaan oleh beberapa pemimpin termasuk bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang Abdullah patut memikul tanggungjawab bagi prestasi buruk Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum 8 Mac lepas dan meletakkan jawatan.

BN hilang majoriti dua pertiga dalam Parlimen selepas memenangi hanya 140 kerusi daripada 222 kerusi Parlimen manakala pembangkang memenangi 82 kerusi.

BN juga tewas di Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor selain gagal merampas kembali Kelantan daripada Pas.

Abdullah yang jarang menghadiri majlis rasmi akhir-akhir ini turut menyemarakkan spekulasi itu.

Kerajaan saya mendapat majoriti besar (walaupun) bukan dua pertiga tetapi amat kukuh... itulah sokongan yang diterima.

Takkan saya nak lari, tinggal saya punya tanggungjawab

ABDULAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri



SAYA masih di sini, Saya masih di sini, Saya masih di sini...

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menafikan spekulasi bahawa beliau akan meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri semasa temu bual dengan *Bernama* di pejabatnya di Putrajaya semalam.

Dalam temu bual itu beliau juga mengulangi pendiriannya bahawa beliau tidak akan lari daripada tanggungjawabnya sebagai Perdana Menteri.

- Gambar BERNAMA